

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 20 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 23**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1243-L13517  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bila dan bagaimana perkhidmatan suntikan percuma imunisasi HPV untuk kaum wanita akan dilaksanakan.
2. PN-1243-L13167  
**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap trend filem berunsurkan tahyul dan mistik yang kebelakangan ini menjadi agenda utama pengeluar filem tempatan dalam usaha meraih keuntungan.
3. PN-1243-L13849  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah JAKIM sudah bersedia dari segi logistik dan infrastruktur bagi menjamin kelicinan pengeluaran sijil halal bermula 1 Januari 2012 dan bagaimana sistem dalaman JAKIM boleh diperkuatkan bagi mengelakkan sebarang salahlaku oleh mereka yang dipertanggungjawabkan.
4. PN-1243-L13537  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan laporan tentang rancangan untuk menambahkan kereta api KTM kerana setiap hari ramai orang melalui kesengsaraan apabila pergi dan balik dari kerja disebabkan masalah yang dihadapi oleh KTM. Adakah ujian kereta api baru itu telah berjalan dengan tanpa masalah dan bilakah kereta api ini akan dapat digunakan.
5. PN-1243-L13138  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang 'mentafsir semula sejarah' seperti yang dicadangkan oleh ahli sejarah. Jika ya, sejauh manakah persiapannya dan jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

6. PN-1243-L13143  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peratuskah Domestic Direct Investment (DDI) di negara ini berbanding dengan FDI.
7. PN-1243-L13682  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk membina hotel bajet di dalam kawasan hospital untuk kemudahan pelawat hospital. Adalah telah menjadi tabiat orang Malaysia suka berada berdekatan dengan sanak saudara yang sedang sakit tenat yang menyebabkan mereka tidur di koridor hospital dan di tepi tandas atau kaki lima hospital berkenaan yang mana ini tidak baik dari segi kesihatan mahupun dari mata yang memandang.
8. PN-1243-L13210  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak lagi kolej-kolej komuniti di kawasan luar bandar khususnya di negeri Perak bagi menampung keperluan di dalam bidang teknikal dan sokongan yang semakin meningkat serta memperluaskan peluang pendidikan berterusan di kalangan warga kawasan luar bandar negeri ini.
9. PN-1243-L13611  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
  - (a) adakah Pelan Induk Saliran (Drainage Masterplan) telah pun disiapkan bagi kawasan yang sering kali dilanda banjir di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; dan
  - (b) status terkini cadangan projek penebatan banjir (flood mitigation) di Kangar dan Arau, Perlis.
10. PN-1243-L13114  
**Datuk Majjol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Artikel 11 Perlembagaan Malaysia terpakai kepada semua rakyat di Malaysia.
11. PN-1243-L13239  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan di sebalik sokongan terhadap inisiatif Kerajaan untuk membawa masuk 200,000 pelajar asing menuntut di negara ini yang khabarnya bakal membawa pulangan sekitar RM600 bilion menjelang 2020, apakah langkah-langkah Kementerian bagi membendung penyalahgunaan visa pelajar oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang jelas lebih mementingkan keuntungan semata-mata hari ini.

12. PN-1243-L13816  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pihak Kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji kepada kakitangan Kerajaan baru-baru ini. Akan tetapi pihak swasta masih belum dapat menentukan gaji minima bagi pekerja swasta. Adakah ini akan menyebabkan kenaikan harga yang mendadak serta berlakunya inflasi.
13. PN-1243-L13356  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kawasan hutan hujan tropika negara dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memelihara dan melindungi kawasan hutan hujan tropika berkenaan khususnya bagi melindungi ekosistem dan mengawal perubahan cuaca global.
14. PN-1243-L13573  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Bank Negara didapati sering menukar peraturan seperti pengenalan sistem baru dan prosedur pembaharuan lesen melibatkan pengurup wang. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membawa kesan kepada operasi pengurup wang di Malaysia. Mengapakah senario ini berlaku.
15. PN-1243-L13641  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nama-nama hospital selain Hospital Likas yang telah dibeli oleh Kerajaan lengkap dengan harga dan sebab-sebab mengapa hospital-hospital tersebut dibeli.
16. PN-1243-L13489  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan penjelasan terhadap sejauh manakah pencapaian program J-Qaf sekolah-sekolah rendah dan bilakah program ini akan dilaksanakan di peringkat sekolah menengah.
17. PN-1243-L13282  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang di penjara di luar negara dan nyatakan kesalahan yang dilakukan serta di negara mana mereka ini dipenjarakan.
18. PN-1243-L13780  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan prestasi 210 kolej swasta yang aktif di seluruh negara dari segi penarafan bintang dan nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan prestasi kolej swasta ini serta tindakan yang diambil terhadap kolej swasta yang tidak aktif.

19. PN-1243-L13324  
**Dato' Ng Fook Heng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan pengguna, terutamanya golongan yang di bawah umur 40 tahun menjadi muflis kerana penggunaan kad kredit secara sewenang-wenangnya dan jumlah kes sebegini yang dikesan sejak 5 tahun lepas.
20. PN-1243-L13304  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rumah orang tua di negara ini yang dikendalikan oleh Kerajaan dan swasta. Apakah kriteria yang diperlukan bagi menjalankan perkhidmatan sedemikian dan apakah Kementerian sentiasa memantau tahap penyampaian mereka ini kekal di tahap yang tinggi.
21. PN-1243-L13744  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, terutama Seksyen 15(5)(a) yang dikatakan tidak munasabah dan melanggar kebebasan bersuara. Apakah kesannya kepada pelajar universiti jika seksyen berkenaan dimansuhkan atau dipinda dan apakah pula kesannya kepada mereka jika seksyen berkenaan dikekalkan.
22. PN-1243-L13132  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peratusan terkini penglibatan wanita dalam Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).
23. PN-1243-L13247  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan berhubung kenyataan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial bahawa jumlah siber di negara ini telah meningkat sebanyak 160 peratus dalam tempoh 6 tahun yang lalu.
24. PN-1243-L13404  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan penghasilan makanan bagi mengatasi krisis bekalan makanan global yang dijangka berlaku pada masa akan datang.
25. PN-1243-L13667  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap pengemis-pengemis asing di Kuala Lumpur, terutama sekali di sekitar PWTC, The Mall dan Jalan Chow Kit.
26. PN-1243-L13372  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan impak positif penggunaan Sistem Pengesanan Pelawat Termaju (APSS) dalam melaksanakan program Pemutihan melalui 6P demi mengawal kemasukan warga asing di pintu sempadan.

27. PN-1243-L13737  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan ekonomi Malaysia apabila dibandingkan dengan ekonomi negara-negara serantau pada masa kini sebelum dan setelah pelbagai pelan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Tranformasi Kerajaan (GTP) telah dilaksanakan. Adakah matlamat utama kedua-dua program tercapai.
28. PN-1243-L13494  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis program di bawah Kementerian yang terbuka untuk pengusaha tani berketurunan India.
29. PN-1243-L13779  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan pergerakan hak asasi manusia di negara ini mengikut interpretasi budaya negara dan tidak mengikut tindakan barat yang terlalu mengagung-agungkan hak asasi manusia ini bagi memastikan keharmonian dan keamanan negara ini.
30. PN-1243-L13066  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah kayu pengukur atau signifikannya Kementerian menyekat pelajar SPM untuk mengambil tidak lebih daripada 10 mata pelajaran dalam peperiksaan yang berkenaan sedangkan terdapat pelajar yang mampu mengambil sehingga 17 mata pelajaran; dan
  - (b) apakah terdapat usaha-usaha memansuhkan peperiksaan PMR kerana tiada lagi pelajar yang tidak lulus dan tidak meneruskan pelajaran ke tingkatan 4, jika ya bila dan apakah sistem yang akan menggantikan peperiksaan yang berkenaan.
31. PN-1243-L13863  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butir-butir mereka yang telah diberi kerakyatan Malaysia di Sabah dari 1985-2010 berdasarkan negara asal mereka, kaum dan agama. Berapakah permohonan kewarganegaraan dari Sabah yang masih tertangguh setakat 31 Oktober 2011. Berikan pecahan keseluruhan permohonan.
32. PN-1243-L13848  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap penjawat-penjawat awam yang melakukan kesilapan dan penyelewengan berikutan Laporan Ketua Audit Negara sejak 2001 dan berapa ramaikah yang telah terlibat.

33. PN-1243-L13450  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sistem pendidikan negara masih mempunyai kekurangan sehingga pencapaian modal insan dalam beberapa aspek agak ketinggalan berbanding negara maju dan jiran.
34. PN-1243-L13051  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan memberikan perlindungan dan hak demi kebajikan kanak-kanak dengan mewajibkan kursus keibubapaan asas kepada setiap bakal bapa dan ibu sebagaimana Kementerian Kesihatan mewajibkan rujukan ke klinik bagi ibu hamil dan bersalin sebagai langkah mengatasi penderaan dan kejahilan ibu bapa dalam ilmu pendidikan anak-anak.
35. PN-1243-L13591  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah pelaksanaan Perjanjian Integriti (Integrity Pact) dalam perolehan Kerajaan telah dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan-jabatan, Badan Berkanun, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan sejak Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) berkuatkuasa pada 1 April 2010 dan Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact berkuatkuasa mulai pada 16 Disember 2010; dan
  - (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap agensi-agensi yang didapati gagal melaksanakan Perjanjian Integriti memandangkan pelaksanaan Pact Integrity dalam perolehan Kerajaan merupakan satu daripada tujuh inisiatif di bawah National Key Result Area (NKRA)-Corruption.
36. PN-1243-L13763  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan penerbitan dan pembekalan buku-buku teks tidak terjejas akibat krisis yang dihadapi Syarikat Dawama beberapa bulan yang lalu.
37. PN-1243-L13476  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah rampasan hidupan liar yang cuba diseludup keluar negara dan sejauh manakah kebenaran dakwaan kedudukan Malaysia sebagai pusat transit membabitkan hidupan liar.
38. PN-1243-L13657  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah sebabnya ramai lepasan matrikulasi tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam jurusan sains dan teknologi pada tahun ini.

39. PN-1243-L13099  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mekanisme kawalan lambakan barang-barang tiruan dari negara China dan meningkatkan produk 1Malaysia dan kepenggunaan barangan 1Malaysia, di kalangan rakyat kita.
40. PN-1243-L13826  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan masalah pendatang asing dan pembantu rumah asing sering kedengaran. Adakah pihak Kementerian akan mengeluarkan satu garis panduan yang dapat menyelesaikan masalah tersebut supaya negara kita akan lebih terjamin keharmonianannya.
41. PN-1243-L13446  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah kebebasan yang diberikan kepada sekolah rendah dan menengah untuk menentukan sama ada untuk terus menggunakan Bahasa Malaysia (BM) atau Bahasa Inggeris (BI) dalam pelaksanaan program Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) sehingga kohort terakhir tamat pada 2015 serta 2020 tidak akan menjejaskan program memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).
42. PN-1243-L13087  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan luar negara di seluruh depot tahanan mengikut negeri dan selain Myanmar, apakah program pertukaran tahanan dilaksanakan dengan negara lain juga.
43. PN-1243-L13380  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang menetapkan gaji minimum kepada pekerja swasta pada Bajet 2013 nanti dan sejauh manakah kejayaan skim latihan 1Malaysia, dan berapa ramai pelajar yang telah menjalani latihan itu setakat ini.
44. PN-1243-L13605  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah masyarakat India Muslim yang menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia. Berikan pecahan mengikut pangkat.
45. PN-1243-L13727  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang akan disalurkan oleh Kerajaan daripada RM232.8 bilion yang diperuntukkan dalam Bajet 2012 untuk pembangunan dan kemajuan masyarakat minoriti di negara ini, termasuk masyarakat keturunan Siam, yang telah membuktikan kesetiaan mereka kepada negara dan sokongan kuat mereka kepada Kerajaan Persekutuan selama ini.

46. PN-1243-L13504  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan peruntukan untuk usahawan wanita bagi kaum Melayu, Cina dan India. Berapa jumlah peruntukan telah berjaya dipohon untuk setiap kaum.
47. PN-1243-L13885  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah yang menyemak dan melulus buku-buku agama Islam terutama yang menyentuh aqidah sebelum dijual dalam pasaran serta yang dijual atau di edar secara tertutup. Apakah kaedah pemantauannya.
48. PN-1243-L13443  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menjamin keselamatan bekalan negara dan memastikan pengeluaran hasil pertanian yang mampu menampung permintaan negara yang semakin meningkat.
49. PN-1243-L13626  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan atau telah diambil oleh pihak polis dan pejabat Peguam Negara terhadap tiga orang pegawai SPRM yang telah digantung kerja berhubung kes Teoh Beng Hock.
50. PN-1243-L13152  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi penyelewengan gas asli cecair subsidi (LPG) yang menggunakan berbagai taktik dan modus operandi oleh pihak yang tidak beretika.
51. PN-1243-L13272  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap ketiga-tiga pegawai SPRM yang dilaporkan bertindak melampau dan bersifat menggugat tahanan dalam seperti kes kematian Teoh Beng Hock seperti yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat ke Teoh Beng Hock.
52. PN-1243-L13873  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kos barangan yang tinggi dalam negara dan apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan kos barangan di Sabah. Adakah terdapat apa-apa rancangan untuk menyelaraskan kos semua barangan di Malaysia.



53. PN-1243-L13770  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes-kes Mahkamah Rayuan yang masih 'tertunggak' atau tertangguh untuk menunggu perbicaraan. Secara khusus juga ingin bertanya apakah keputusan muktamad terhadap bekas majikan Nirmala Bonat yang telah beberapa kali ditimbulkan dalam persidangan antarabangsa (serantau) dan menjadikan perwakilan Malaysia malu-muka (embarrassed).
54. PN-1243-L13689  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan pihak ASTRO tidak sewenang-wenangnya menaikkan caj perkhidmatan mereka yang sangat membebankan masyarakat sedangkan kita masih dapat melihat gangguan perkhidmatan penyiaran apabila waktu hujan.
55. PN-1243-L13041  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah dana yang diperuntukkan kepada industri penerbitan buku melalui dana Penggerak Industri Buku Negara (PIBN) sejak ia ditubuhkan pada 2007 dan jumlah geran kepada perpustakaan negeri seluruh negara yang diperuntukkan dan senarai syarikat penerbitan yang menyertai projek ini dalam mencapai objektif Dasar Buku Negara.
56. PN-1243-L13555  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah alternatif yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian untuk membekalkan api dan air kepada penduduk-penduduk di kawasan pedalaman di mana kos pembekalan perkhidmatan yang berkenaan adalah terlalu tinggi dan tidak ekonomikal.
57. PN-1243-L13792  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa memandangkan berlakunya peningkatan ketara di dalam peruntukan kepada Jabatan Perdana Menteri di bawah Bajet 2012, adakah terdapat di dalamnya peruntukan khas bagi membantu beberapa negeri yang sering dilanda masalah banjir tahunan, dan sekiranya ada, berapakah jumlah peruntukan tersebut mengikut negeri-negeri yang terlibat.
58. PN-1243-L13189  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian akan memperkenalkan semula Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) setelah mendapat banyak bantahan daripada ibu bapa dan beberapa persatuan; dan
  - (b) pihak-pihak manakah yang Kerajaan rundingkan sebelum PPSMI dimansuhkan.

59. PN-1243-L13704  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah bantuan peruntukan khas TEKUN yang disediakan bagi tahun 2012 yang dikhususkan untuk kaum India seperti mana yang telah disampaikan kepada kaum India bagi tempoh 2011 ini.
60. PN-1243-L13297  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai satu mekanisme seperti TERAJU bagi pembangunan ekonomi kaum India di negara ini memandangkan peningkatan pegangan ekonomi mereka kini masih dilihat jauh ketinggalan dalam arus pembangunan negara.
61. PN-1243-L13802  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan setelah mengambil pengajaran dari isu kelemahan yang timbul dari Perjanjian Jual Beli Tenaga Elektrik (Power Purchase Agreements, PPAs) yang jelas berat sebelah (lopsided) dan menyusahkan rakyat, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja (Royal Commission of Inquiry) untuk melakukan inkuiri secara awam dan mengemukakan cadangan-cadangan hasil dari inkuiri yang dilakukan ke Parlimen bagi menangani masalah sektor bekalan tenaga elektrik yang telah berlanjutan sekian lama.
62. PN-1243-L13229  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan benarkah hasil penggabungan strategik antara MAS dan AirAsia, laluan udara ke Sabah dan Sarawak akan dikurangkan kekerapan jadual penerbangannya di mana ini bakal memberi kesan negatif terhadap jumlah kemasukan pelancong asing ke negeri-negeri tersebut.
63. PN-1243-L13893  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat terus menerapkan budaya dan nilai-nilai murni kepada setiap rakyat dalam proses penyerlahan gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian diutamakan.
64. PN-1243-L13420  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negari (LHDN) dapat mengenal pasti penerima bantuan RM500 yang layak, iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM3000/sebulan, memandangkan ramai penduduk berpendapatan rendah di pedalaman Sarawak dan Sabah tiada 'Form F' untuk membuktikan pendapatan mereka; dan
  - (b) apakah rancangan seterusnya untuk 2000 orang kakitangan yang diupah khas untuk memproses bantuan kebajikan tersebut.

65. PN-1243-L13391  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji kaedah untuk menyetarakan harga barangan keperluan di Sabah dan Sarawak supaya sama dengan Semenanjung dan berapakah kos bakal ditanggung setiap tahun sekiranya kaedah ini dilaksanakan kelak.
66. PN-1243-L13257  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah kesalahan dan kompaun yang dikenakan kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta pada tahun lalu yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta IPTS 1996.
67. PN-1243-L13076  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan negara di peringkat dunia dalam bidang ekonomi, daya saing, keamanan, keselamatan, kestabilan, kebersihan dan lain-lain. Apakah usaha-usaha terbaru untuk meningkatkan lagi kedudukan tersebut menjelang tahun 2020.
68. PN-1243-L13355  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah rakyat negara ini yang didapati menjalani kehidupan tidak aktif secara fizikal sehingga menyebabkan mereka terdedah kepada penyakit tidak berjangkit (NCD) dan nyatakan sejauh manakah kejayaan Program Gaya Hidup Sihat untuk memberikan kesedaran kepada rakyat negara ini bagi menjalani kehidupan aktif dan sihat.

## ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-
  - (a) bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk mengunikaikan Proklamasi Darurat yang berikut:
    - (i) Proklamasi Darurat 1966 [*P.U.(A)339A/1966*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 14 September 1966 di Sarawak bertujuan untuk membolehkan Kerajaan menyelesaikan pertikaian politik di Sarawak;
    - (ii) Proklamasi Darurat 1969 [*P.U.(A)145/1969*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 berikutan dengan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 ; dan
    - (iii) Proklamasi Darurat 1977 [*P.U.(A)358/1977*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 8 November 1977 di Kelantan bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian politik di negeri Kelantan;
  - (b) bahawa Dewan ini mengambil maklum sebab Proklamasi Darurat tersebut itu diungkaikan adalah kerana keadaan darurat yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Proklamasi Darurat yang tersebut itu terus berkuat kuasa tidak lagi wujud masa kini;
  - (c) bahawa Dewan ini mengambil maklum kesan pengunikaian ini menurut Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan ialah, apa-apa ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa akan terhenti berkuat kuasa selepas habis tempoh enam bulan dari tarikh Proklamasi Darurat yang tersebut itu dibatalkan;
  - (d) bahawa Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada Kerajaan untuk mengawal jenayah dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam termasuklah kegiatan keganasan apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c);

- (e) bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan terungkainya Proklamasi Darurat yang tersebut itu Kerajaan tidak lagi mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang Dewan ini sedia maklum Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan Persekutuan, untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara jika didapati oleh Parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu kecuali undang-undang mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Fasal (6A);
- (f) bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pengungkai Proklamasi Darurat yang tersebut itu membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa bersedia untuk melakukan pembaharuan dalam undang-undang negara supaya ia selaras dengan kehendak semasa dan mengukuhkan lagi usaha Kerajaan untuk memastikan negara ini sentiasa maju ke hadapan.

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

- |    |   |                               |
|----|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|----|---|-------------------------------|

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 3. | (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 | “ |
|----|---|---|

**[ Kementerian Kewangan ]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 4. | (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 | “ |
|----|--|---|

**[ Kementerian Kewangan ]**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 5. | (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 | “ |
|----|---|---|

**[ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 6. | (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 | “ |
|----|--|---|

**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**

7. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap 2011 “  
**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
8. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
9. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
10. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
11. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “  
**[ Kementerian Pertahanan ]**
12. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “  
**[ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ]**
13. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
14. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Sumber Manusia ]**
15. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

16. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
17. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
18. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
19. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
20. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
21. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
22. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
23. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
24. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

25. PN-1243-U13086

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat bangsa Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
  - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
  - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
    - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.



- 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
- 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
- 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.

- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarası tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

26. PN-1243-U13088

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

**[Menteri Luar Negeri]**

27. PN-1243-U13090

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

28. PN-1243-U13197  
**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alukan Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun diperkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

29. PN-1243-U13198  
**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara.

Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implimentasi undang-undang perhubungan perkauman."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

30. PN-1243-U13202

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketat lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

31. PN-1243-U13614

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA )**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.39	Akta Fee 1951 Perintah Fee (Planetarium Negara) (Pindaan) 2011	20 Disember 2011
ST.40	Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 Perintah Bank Dan Institusi-Institusi Kewangan (Broker Wang Asing Elektronik Berlesen) (Pengecualian) 2011	20 Disember 2011
ST.41	Akta Imigresen 1959/63 Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2011	20 Disember 2011
ST.44	Akta Fi 1951 Perintah Fi (Pas Pengajian , Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan Pas Kerja) (Pindaan) 2011	20 Disember 2011
ST.45	Akta Fi 1951 Perintah Fi (Pasport dan Visa) (Fi Peremitan) 2011	20 Disember 2011
ST52	Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India ) (MICECA) 2011 P.U(A) 215 / 2011	20 Disember 2011
ST.53	Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Di Antara Kerajaan Negeri-negeri Ahli Persatuan Negeri-negeri Asia Tenggara dan Republik Rakyat Korea) (Pindaan) 2011 P.U(A) 299 / 2011	20 Disember 2011
ST.62	AKTA FI 1951 Perintah Fi (Kemudahan Potongan Gaji Pegawai Awam Persekutuan) 2011	20 Disember 2011
ST.66	Kanun Tatacara Jenayah Kaedah-kaedah Tatacara Jenayah (Kadar Bayaran Kepada Saksi) 2011	20 Disember 2011

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.126	Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Negara Bahrain) (Pindaan) 2011 P.U(A) 162 / 2011	20 Disember 2011
ST.127	Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Negara Qatar) (Pindaan) 2011 P.U(A) 264 / 2011	20 Disember 2011
ST.128	Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Afrika Selatan) (Pindaan) 2011 P.U(A) 329 / 2011	20 Disember 2011